

(26 Mei 2021) Sinar Harian, p. 3

# Vaksin dijamin halal

Pfizer dan AstraZeneca bebas daripada sebarang kandungan yang haram

Oleh HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA


Kerajanan mengulangi jaminan bahawa status kesemua vaksin yang diberikan kepada rakyat di negara ini adalah halal.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, seperti Sinovac semakan terhadap vaksin Pfizer dan AstraZeneca mendapat kedua-duanya bebas daripada sebarang kandungan yang haram.

"Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini mendedahkan vaksin Sinovac telah mendapat sijil daripada Majlis Ulama Indonesia (MUI) bahawa ia adalah halal. Bagaimanapun, ini tidak bermak-sud vaksin-vaksin lain mengandungi ramuan yang haram.

"Malah, kita telah buat semakan bahawa ramuan vaksin Pfizer dan AstraZeneca tidak mengandungi apa-apa ramuan yang berasal daripada babi dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika di-



LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES  
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKAV)



**KHairy JAMALUDDIN**

minta mengulas persoalan apabila timbul persepsi sama ada vaksin Pfizer dan AstraZeneca berstatus tidak halal.

Vaksin Sinovac yang dibekalkan oleh Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) merupakan satu-satunya vaksin yang telah disahkan halal di dunia.

**MENDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?**

Menurut Ismail, rakyat boleh berbangga apabila Pharmaniaga dinobatkan sebagai satu-satu syarikat farmaseutikal yang mengilangkan semula vaksin yang diiktiraf halal di dunia.

Pharmaniaga mendapat lesen untuk mengimpor vaksin Covid-19 Sinovac dari China dan melakukan pengilangan semula.